

Kerajaan negeri puas hati sumbangan, peranan UMP

SINAR HARIAN (CENTRAL) 30 MEI 2016 M/S 37

KUANTAN- Kerajaan negeri berpuas hati dengan peranan dan sumbangan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam tempoh 14 tahun penubuhannya bagi memasyarakatkan teknologi kepada rakyat negeri ini.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, pihaknya terbuka untuk didekati pengurusan UMP bagi membincangkan projek berimpak tinggi melibatkan ke-pakaran kejuruteraan, teknologi dan saintifik.

Menurutnya, kerajaan negeri menyambut baik langkah universiti berkenaan meneruskan inisiatif Taman

Bioaromatik Pahang di Mukim Luit Maran selain membangunkan Kompleks Niaga Hasil Laut dan Ikan Bakar di Kuala Pahang dengan kerjasama ECERDC.

"UMP memerlukan strategi ampuh untuk mengembangkan bakat yang ada di universiti ini bagi memastikan keparakan teknologi dapat dibawa ke lapangan untuk dimanfaatkan rakyat."

"Inovasi yang ringkas tapi berimpak besar kepada transformasi sosio ekonomi dan kehidupan rakyat."

"Ini lebih-lebih bermakna berbanding inovasi kompleks tapi hanya kaku dalam pa-



Adnan (tengah) bersama penyelidik yang diraikan pada Majlis Anugerah Cendekia Bitara 2015.

rameter makmal tapi tidak memberi apa manfaat kepada manusia," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Anugerah Cendekia Bitara 2015 bagi me-

raikan 56 penyelidik dan akademik cemerlang, di sini. Hadir sama, Pengurus

Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Mohd Hilmey Mohd Taib, dan Naib Canselor UMP, Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Adnan berkata, penerima anugerah wajib turun padang bagi menekuni masalah rakyat serta menilai kesesuaian solusinya sama ada bersifat kejuruteraan atau saintifik.

Menurutnya, tugas mencabar itu memerlukan penyelidik dan akademik menghayati falsafah di sebalik perubahan universiti awam yang memainkan peranan agar rakyat tidak tercicir dalam kegairahan mengejar kemajuan.